# Badak Sumatera

## *mendapat perhatian Honda-WWF*

*Oleh MOHD. HAZLI HASSAN*
*(rekreasi@utusan.com.my)*
*Foto-foto ihsan WWF-Malaysia*

MUNGKIN ada yang tidak perasan, badak sumbu Sumatera (*Dicerorhinus sumatrenesis*) sebenarnya adalah khazanah negara yang kini semakin pupus ekoran kemusnahan habitat dan juga disebabkan peralihan zaman.

Walaupun namanya diambil dari nama sebuah pulau di tanah seberang, namun badak Sumatera merupakan merupakan satu-satunya spesies badak sumbu yang baru dijumpai di Malaysia.

Badak sumbu itu yang turut dikenali sebagai badak kerbau mempunyai kaitan rapat dengan empat spesies lain termasuk badak Jawa, badak hitam, badak putih dan paling besar, badak India.

Menariknya, badak sumbu Sumatera itu selain berada di Malaysia, turut dikenalpasti terdapat di kaki gunung Himalaya sehingga ke Myanmar, Thailand dan Indonesia.

Sejak 1990, badak sumbu Sumatera ini sudahpun diancam kepupusan ekoran dari pemburuan haram, aktiviti pembalakan dan pemusnahan hutan secara berleluasa.

Ini berikutan, badak sumbu Sumatera merupakan spesies terkecil dalam kategorinya yang turut mempunyai dua tanduk atau sumbu bagi jantan dan betina yang menjadi idaman pemburu haram.



BADAK Sumbu Sumatera, spesies paling kecil di kalangan keluarganya kini menghuni sekitar hutan simpan Sabah.

Malah ada juga kes yang mana badak-badak sumbu ini turut ditangkap dan ini dibuktikan dengan kajian yang menyatakan sehingga kini hanya terdapat 300 ekor spesies berkenaan merayau-rayau secara bebas di hutan seluruh dunia. Namun tidak diketahui jumlah sebenarnya.

Sehubungan itu, Honda Malaysia walaupun sibuk dengan penyelidikan dan pembangunan teknologi permotoran, tidak melupakan tanggung jawab sosial bagi menaja kempen menyelamatkan dan pemuliharaan badak sumbu Sumatera di negara ini.

Projek Menyelamatkan Badak Sumbu Honda-WWF telah diwujudkan pada Januari 2006 yang turut melihatkan komitmen selama lima tahun syarikat multinasional itu untuk menyelamatkan badak sumbu Sumatera daripada kepupusan.

Dengan penajaan jangka panjang itu, sedikit sebanyak ia mampu membantu spesies yang turut dikenali sebagai badak Asia dua sumbu itu terkeluar daripada ancaman kepupusan yang semakin terancam.

Pengurus Projek Pemuliharaan Badak Sumbu WWF-Malaysia, Raymond Alfred berkata, disebabkan spesies tersebut mendiami kawasan yang kecil dan terasing, ia sedikit sebanyak menjadikan ia amat mudah diancam kepupusan ekoran bencana alam, penyakit, pemburuan haram, pergolakan politik dan penurunan genetik.

Malah mitos yang dikatakan mengenai khasiat sumbu badak berkensan membuatkan ia menjadi sebagai haiwan buruan yang diminati.

Ini ditambah dengan tawaran harga yang tinggi bagi sumbu mamalia berkenaan menyebabkan ancaman lebih hebat terpaksa dihadapi.

"Lebih mendukacitakan, usaha yang dijalankan untuk menggalakkan pembiakan di dalam kurungan juga berakhir dengan kegagalan disebabkan kekurangan maklumat dan pengetahuan mengenai haiwan berkenaan.

"Namun, dengan adanya bantuan penajaan daripada Honda Malaysia, kita mampu menjalankan penyelidikan bagi pemuliharaan badak sumbu Sumatera yang akan mengambil langkah yang sama daripada kejayaan pemuliharaan badak afrika," kata Raymond.

Spesies yang dikenalpasti mendiami kawasan paya tanah rendah Sabah dan hutan bukit tinggi ini turut dikategorikan sebagai Haiwan Diancam Kepupusan Paling Kritikal oleh Pertubuhan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Sekitar dan Sumber Semulajadi (IUCN) 1996.



PARA penyelidik gembira dengan penemuan badak sumbu Sumatera di hutan Sabah dengan penemuan kesan tapak kaki haiwan berkenaan.



SALAH satu tempat berkubang yang telah ditinggalkan badak sumbu.

Raymond berkata, dengan Projek Menyelamat Badak Sumbu Honda-WWF 2006, pihaknya mampu menambah Unit Rondaan/Perlindungan Badak Sumatera bagi meningkatkan aktiviti perlindungan di habitat semula jadi mamalia yang mempunyai berat antara 600 hingga 950 kilogram itu.

Selain itu Raymond berkata, projek berkenaan juga mampu meningkatkan kefahaman mengenai ekologi, biologikal dan keperluan persekitaran badak sumbu Sumatera yang mempunyai tinggi antara 1 hingga 1.5 meter itu bagi proses pembiakan dalam kurungan yang bakal dijalankan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai program berkenaan lawat laman web www.wwfmalaysia.org atau www.sosrhino.org.



BEKAS tapak kaki badak sumbu Sumatera yang berjaya dikesan dalam satu ekspedisi menjejak haiwan itu di Lembah Danum, Sabah baru-baru ini.

Utusan Malaysia 11 November 2006, pg 12